

Stesen MRT reka bentuk wakaf

kosmo 18/7/12 ms23.

KESEMUA stesen My Rapid Transit (MRT) kelak mempunyai rekaan yang seragam iaitu menggunakan konsep wakaf, ujar Pengarah Peme-
ng Saham dan Tanah MRT Corp., Haris Fadzilah Hassan, 45.

Namun begitu, di lokasi-lo-
kasi yang menjadi daya tarikan
dan memiliki identiti seperti
Pasar Seni, rekaan stesen
MRT akan sejajar dengan ka-
wasan sekeliling supaya tidak
kelihatan terasing.

“Bagi rekaan laluan MRT
bawah tanah, terdapat dua re-
kaan laluan iaitu dua terowong
bersebelahan dan bertindan mengikut
struktur tanah,” terang Haris Fad-
zilah.

Kedalaman terowong mencecah ki-

ra-kira 30 meter yang membolehkan
penghuni di permukaan tidak berasa
sebarang gegaran yang terhasil da-
ri pada kerja-kerja pembina-
an.



HARIS FADZILAH

Bagi pembinaan terowong,
sebanyak 10 buah Tunnel Bo-
ring Machines (TBM) akan di-
gunakan. Setakat ini, enam
buah mesin telah ditempah de-
ngan antara lokasi yang telah
ditempatkan ialah Semantan
dan Cochrane.

Laluan terowong dipilih di
pusat bandar kerana ia me-
rupakan cara terbaik kerana ia
kurang penggunaan tanah dan

dalam jangka masa panjang tiada pe-
ngubahan landskap bandar, bangun-
an, jalan serta tidak mengganggu pe-
ngangkutan awam sedia ada.

Sebelum ini, banyak isu kedengaran
berkaitan projek itu termasuk di Jalan
Sultan dan baru-baru ini di Bangunan
UDA di Jalan Bukit Bintang.

Namun, ia sudah hampir disele-
saikan dengan 18 buah pemilik lot
sudah menandatangani perjanjian
dan dua buah lot masih belum mem-
beri kata putus manakala yang lain
sudah bersetuju.

Di Jalan Bukit Bintang pula, hanya
penyewa di hadapan BB Plaza ditutup
manakala bahagian dalam boleh me-
neruskan perniagaan.

Fasa pertama untuk stesen Sungai
Buloh ke Semantan sepanjang 20 ki-
lometer akan beroperasi pada 31 Di-
seMBER 2016 manakala stesen lain
akan diadakan ujian dan pemantauan.

Seluruh fasa pertama akan ber-
operasi sepenuhnya pada 31 Julai 2017.

Dalam masa yang sama, operasi dari
peringkat rekaan sehingga pemberian
tender bagi fasa kedua dan ketiga
berjalan serentak. Menjelang 2020,
ketiga-tiga fasa dijangka beroperasi.

Projek MRT itu menyasarkan pe-
nglibatan kontraktor bumiputera se-
banyak 43 peratus bagi keseluruhan
pakej tender.

Pemberian tender setakat ini yang
bernilai RM13.85 bilion, 50.7 peratus
sudah diberi kepada kontraktor bu-
miputera berdasarkan kapasiti kebo-
lehpercayaan, keselamatan dan ke-
mampuan dalam menyiapkan projek.

Jajaran Sungai Buloh - Kajang itu
nanti akan memberi kemudahan pe-
ngangkutan awam yang efisien ke-
pada 1.2 juta pengguna dengan an-
garan pengguna seramai 400,000 pe-
numpang sehari.



SECARA keseluruhan, reka bentuk stesen MRT berbentuk wakaf manakala stesen-stesen di tempat tarikan pelancong mengikut identiti kawasan terlibat.